

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 09/03/2017

Edisi / Muka Surat : Nasional / 26



PRESIDEN Angkasa, Datuk Fattah Abdullah menandatangani plak perasmian Koperasi Seniman Kuala Lumpur Berhad sambil disaksikan oleh Jurey Rosli (tengah) baru-baru ini.

Bangunan baharu Koperasi Seniman

SETELAH lima tahun menyewa rumah kedai di Taman Sri Rampai, Kuala Lumpur kini Koperasi Seniman Kuala Lumpur Berhad boleh menarik nafas lega apabila mempunyai premis baharu banglo dua tingkat yang terletak di Bukit Cheras.

Presidennya, **Datuk Jurey Latiff Rosli** berkata, dengan adanya pejabat baharu ini membuktikan koperasi itu benar-benar komited untuk mencapai kejayaan yang lebih besar dan cemerlang pada masa depan.

“Bangunan baharu ini bakal melancarkan lagi aktiviti sesama anggota koperasi berkenaan kerana sebelum ini kita terhad untuk menjalankan sebarang aktiviti kerana kawasan yang sempit.

“Saya juga berterima kasih kepada rakan artis, Den Wahab kerana berbesar hati menyewakan banglo miliknya kepada koperasi,” katanya.

Dalam pada itu, Jurey juga menggalakkan penggiat seni tanah air supaya mendaftar diri menjadi ahli koperasi berkenaan kerana banyak manfaat yang boleh diperoleh.

“Setakat ini kita sudah memiliki seramai 72 ahli dan saya berani kata bahawa ini satu-

satunya persatuan seniman yang menyediakan kad perubatan untuk ahlinya ketika ditimpa musibah.

“Skim insurans ini sangat penting sebagai perlindungan buat ahli koperasi ketika hari mendatang kelak,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Jurey berkata, pihaknya akan menjalinkan kerjasama dengan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dengan menghasilkan program majalah untuk siaran televisyen.

Program 13 episod itu bakal memaparkan cerita tentang koperasi yang terdapat di negara ini supaya masyarakat dapat mengenalinya dengan lebih dekat.

“Kita juga menyahut hasrat kerajaan untuk merealisasikan sasaran 16,000 koperasi pada 2020 nanti.

“Jadi dengan rancangan berbentuk majalah itu diharapkan masyarakat lebih peka tentang kepentingan menyertai koperasi,” jelasnya.

Beliau ditemui ketika perasmian bangunan dan mesyuarat agung kali kelima koperasi itu baru-baru ini.

Antara artis yang turut hadir ialah Yusof Kelana, Den Wahab, Mubarok Majid dan Delimawati.